

**TEKS UCAPAN**  
**BRIG. JENERAL DATUK PROF DR KAMARUDIN HUSSIN**  
**NAIB CANSELOR UniMAP**  
**SEMPENA MAJLIS MAKAN MALAM**  
**ASIAN UNIVERSITY WOODBALL CHAMPIONSHIP**  
**3 NOVEMBER 2013, 8.00 PM**  
**DEWAN 2020 KANGAR PERLIS**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan UniMAP.

**SALUTASI (TBC)**

**Mr. Paulo Ferreira**

**Director, World University Championship International University  
Sports Federation (FISU)**

**Mr. Kenny Chow**

**Secretary General, Asian University Sports Federation (AUSF) & FISU  
Assessor Woodball**

**Mr. Jargalsalkhan D.**

**AUSF Assessor Woodball**

Yang Berbahagia Prof. Dato' Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib  
Canselor (Akademik dan Antarabangsa UniMAP)

Yang Berbahagia Prof Madya Fo'ad Sakdan, Timbalan Naib Canselor (Hal  
Ehwal Pelajar dan Alumni UniMAP)

Pegawai-Pegawai Utama UniMAP

Yang Berusaha En Afizal Abu Othman, Pengarah Pusat Sukan UniMAP

Dekan-dekan dan ketua-ketua Jabatan

Pegawai-pegawai, Jurulatih-jurulatih dan Peserta-peserta Asian University Woodball Championship (AUWC) 2013

Sahabat saya iaitu wakil-wakil media, Seterusnya hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.

### **KATA ALUAN**

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah swt atas limpahan dan keizinanNya dapatlah kita bersama-sama pada majlis makan malam yang juga merupakan Majlis Perasmian Pembukaan Asian University Woodball Championship (AUWC) 2013 yang diadakan pada malam yang sungguh indah lagi nan permai. Terlebih dahulu, izinkan saya untuk merakamkan setinggi penghargaan kepada Menteri.... Yang sudi hadir bagi merasmikan Majlis Perasmian Pembukaan Asian University Woodball Championship (AUWC) 2013.
2. Terima kasih titipkan juga kepada Pengurus MASUM, ..... dan Presiden, ASEAN University Sport Council (AUSC) yang sudi bekerjasama dengan UniMAP dalam penganjuran Asian University Woodball Championship (AUWC) 2013. Selain itu kedatangan anda pada malam ini memperlihatkan tanda sokongan yang tidak berbelah bahagi terhadap penganjuran ini.
3. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Sekretariat AUWC 2013 kerana

berjaya menganjurkan Asian University Woodball Championship (AUWC) 2013. Berikan tepukan yang gemuruh kepada semua yang telah melibatkan diri dalam penganjuran Asian University Woodball Championship (AUWC) 2013 ini.

4. Kita juga sebenarnya sangat beruntung diatas kesudian 15 wakil dari AUSF yang turut sama membantu bagi memastikan kelancaran penganjuran AUWC 2013 ini. Tidak ketinggalan, kunjungan 12 wakil dari AUSC yang hadir bermesyuarat di Pulau Pinang turut melapangkan diri untuk datang ke Perlis dan UniMAP bagi memeriahkan AUWC 2013. Sokongan yang diberikan ini amatlah kami hargai. Terima kasih.

#### **PENYERTAAN DALAM ASIAN UNIVERSITY WOODBALL CHAMPIONSHIP (AUWC) 2013**

5. Untuk makluman para hadirin, terdapat 13 kumpulan dari 11 buah negara yang akan menyertai kejohanan Woodball pada kali ini. Bagi saya ini adalah satu permulaan yang terbaik bagi satu penganjuran yang pertama kali diadakan.
6. Sebelas buah Negara yang terlibat adalah Mongolia, Chinese Taipie, Singapore, Thailand, Vietnam, China, Hong Kong, India, Japan, Indonesia dan juga Malaysia selaku tuan rumah. Semoga jumlah kumpulan dan Negara yang menyertai kejohanan ini akan terus meningkat pada setiap kali penganjurannya.
7. Harapan saya, semoga kejohanan ini mampu untuk mencungkil bakat serta menanam minat lebih ramai anak muda untuk menyertai sukan ini. Selain itu, dengan penganjuran ini diharap akan mampu memperkasakan sukan woodball diseanterio dunia.

Namun apa yang paling penting adalah saya mengharapkan kejohanan woodball ini mampu merapatkan silaturrahim sesama kita sebagai Negara Asian.

### **PERTEMUAN DENGAN FISU**

8. Pagi tadi saya berpeluang untuk bertemu dengan Mr. Paulo Ferreira, Director World University Championship dan juga Mr. Kenny Chow, Secretary General FISU Member yang datang bagi melakukan pemeriksaan kelayakan untuk pengajuran World University Woodball Championship di mana UniMAP akan memikul tanggungjawab sebagai tuan rumah pada tahun hadapan. In Sha Allah.
  
9. Selepas berjumpa dengan saya, mereka dibawa melawat ke **kampus Tetap UniMAP & Venue pertandingan iaitu UniMAP Woodball Course & Stadium Course**. Saya berharap agar pemeriksaan yang dijalankan ditempat-tempat tersebut akan menepati piawaian pihak FISU.  
Ini sekaligus melayakkan UniMAP untuk bertindak sebagai pengajur World University Woodball Championship pada tahun depan.

Hadirin dan hadirat sekalian,

### **PEMBANGUNAN SUKAN YANG DILAKSANAKAN UniMAP**

10. Sedikit perkongsian mengenai pembangunan sukan yang dilaksanakan oleh UniMAP. Walaupun sebagai sebuah university yang berteraskan bidang teknikal, UniMAP turut memberikan tumpuan dalam membangunkan aspek sukan terutama dari segi penyediaan prasarana yang bersesuaian.

11. Kompleks Sukan Syed Sirajuddin Areeb Putra yang disempurnakan perasmianya Jun lalu, merupakan bukti kesungguhan UniMAP dalam memartabatkan sukan ke persada antarabangsa.

Trek sintetik yang terdapat di Kompleks Sukan ini secara rasminya juga telah mendapat pengiktirafan daripada **Kesatuan Olahraga Malaysia (KOM) dan Persekutuan Persatuan Olahraga Antarabangsa (IAAF)**.

12. UniMAP selepas ini akan menaik taraf kesemua kemudahan sukan yang terdapat di Kompleks ini terutama padang bola, gelanggang tenis dan lapangan woodball agar setaraf dengan kemudahan yang disediakan di peringkat antarabangsa sebagai persediaan penganjuran kejohanan bertaraf antarabangsa lainnya.

13. Saya berharap lapangan woodball yang akan digunakan dalam **ASIAN UNIVERSITY WOODBALL CHAMPIONSHIP 2013** ini akan menjadi kayu pengukur kepada kelayakan dan kesungguhan UniMAP untuk menganjurkan **4<sup>TH</sup> WORLD UNIVERSITY WOODBALL CHAMPIONSHIP** pada 23 hingga 27 Oktober 2014 nanti. InsyaAllah.

## **PENUTUP**

14. Akhir kata, saya berdoa agar penganjuran **ASIAN UNIVERSITY WOODBALL CHAMPIONSHIP 2013** mencapai matlamatnya sekaligus merealisasikan hasrat kita untuk memartabatkan sukan ini ke persada antarabangsa. Di samping itu, saya ingin menyeru kepada semua yang terlibat dalam ASIAN UNIVERSITY WOODBALL

CHAMPIONSHIP 2013 untuk menikmati keindahan yang terdapat di negeri Perlis ini khasnya dan Malaysia amnya.

15. Sekiranya mempunyai kelapangan, lawatilah negeri ini dan kenalilah budaya masyarakat Malaysia yang sangat unik dengan pelbagai adat resamnya. Apa yang baik itu, sampaikanlah kepada rakan dan keluarga serta kunjungilah kami di sini. Apa yang tidak memuaskan itu, buangkanlah jauh dari dasar hati anda semua.

Sekian, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.